



PEGAWAI SPRM memeriksa pokok kayu cengal yang siap dipotong menjadi papan di Hutan Simpan Tersang, Raub, semalam.

SPRM dapat kesan kegiatan curi balak

Penguat kuasa agensi dipercayai jadi dalang

Oleh Rosli Abdul Jalil
bhnews@bharian.com.my

RAUB: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan kegiatan mencuri kayu balak secara berleluasa dan pelombongan emas secara haram di Hutan Simpan Tersang dalam pemeriksaan mengejut ke kawasan berkenaan, semalam.

Sumber SPRM berkata, kedua-dua aktiviti haram terbabit dipercayai didalangi kakitangan agensi penguat kuasa kerajaan kerana kawasan itu terletak di bawah pengawasan agensi berkenaan.

Katanya, sebarang aktiviti pembalakan atau melom-

bong emas perlu mendapat kebenaran agensi terbabit terutama di kawasan Hutan Simpan Tersang.

Sehubungan itu, katanya SPRM terus melakukan pemantauan bagi memastikan kegiatan itu dibanteras.

Dalam serbuan di kawasan pembalakan itu pada jam 8 pagi, 10 anggota SPRM

mengesan seorang lelaki dan dua anaknya memotong balak menggunakan gergaji mesin untuk dijadikan kepingan papan.

Ketiga-tiganya ditahan bagi siasatan lanjut sebelum dibebaskan selepas keterangan mereka diambil.

Sumber itu berkata, pihaknya menemui kepingan papan seberat enam tan yang sudah dilonggokkan, dipercayai hendak dijual kepada pembeli, manakala 360 batang pokok cengal sudah ditebang di kawasan sama.

Hasil siasatan menunjukkan kayu terbabit dijual kepada pembeli dengan harga sehingga RM2,500 setiap satu tan.

FAKTA NOMBOR

RM2,500
tan

Nilai harga satu tan kayu balak yang dijual kepada pembeli